

08/05/1998

KDN siasat laporan negatif

JOHOR BAHRU, Khamis - Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang menyiasat secara terperinci mengenai cara penyebaran laporan termasuk gambar yang disiarkan oleh media Barat yang memburuk-burukkan negara ini dilakukan golongan tertentu terutama oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini.

Ketika ini, polis sudah mengenal pasti sekurang-kurangnya dua NGO dan tiga individu terbabit dalam menyalurkan berita palsu kepada media asing kononnya pihak berkuasa negara ini meracun dan membunuh pendatang tanpa izin Indonesia di kem tahanan.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali beranggapan berita palsu terutama gambar yang berlaku ketika rusuhan di kem tahanan baru-baru ini tidak sepatutnya diperolehi pihak media.

Beliau berkata, setahu pihak KDN, pemberita tempatan mahu pun media asing tidak dibenarkan masuk ketika berlaku rusuhan di beberapa kem tahanan di negara ini, baru-baru ini.

"Bukan menghalang hak kebebasan akhbar tetapi keselamatan orang ramai perlu dijaga dan kamu (media) juga mendapat berita yang lengkap dan baik ketika kejadian berkenaan.

"Kerajaan sama sekali tidak pernah menghalang media jika sesuatu kejadian berlaku tetapi laporan berita dan gambar yang disiarkan di luar negara dikenal pasti diperolehi 'dalang' tertentu.

"KDN akan menyiasat siapa sebenar yang mengambil gambar itu dan menyeludup keluar dari negara ini dan berkemungkinan menjual dengan harga tinggi kepada media Barat termasuk penyaluran berita palsu.

"Mereka itu sebenarnya adalah pengkhianat negara dan perlu diawasi secepat mungkin. Buat masa ini, KDN tidak tahu dan polis akan memaklumpkannya sebaik maklumat lengkap siap," katanya kepada pemberita selepas penutupan kursus pengenalan pertahanan awam (JPA3) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, watak tamat latihan turut diserahkan kepada 23 anggota Disaster Management and Mitigation Team (DMMT) terdiri daripada dekan, pensyarah dan juruteknik universiti berkenaan.

Hadir sama, Naib Canselor UTM, Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idris; Ketua Pengarah JPA3, Abd Wahid Selamat; serta Penyelaras Unit DMMT yang juga Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam, Prof Madya Dr Mohd Azraai Kassim.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata, gambar yang disiarkan oleh media asing itu bukan menunjukkan pendatang tanpa izin diracun tetapi gambar kejadian rusuhan yang berlaku di kem tahanan sementara Semenyih.

"Saya ingat mereka ada gambar orang kena racun. Tapi gambar itu gambar lama dengan seorang anggota polis menunjukkan kepada perusuh yang mati terbaring.

"Anggota polis itu pun tidak melakukan sebarang kekerasan kepada orang itu. Dia bukannya memukul orang itu, sebaliknya hanya sekadar menunjukkan ke arah orang mati itu," katanya.

(END)